

05 APR 1996

DR MAHATHIR LANCAR PROTON TIARA (Dengan gambar)

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melancarkan Proton Tiara, model baru Proton Citroen dalam satu upacara gilang gemilang di Pusat Dagangan Putra Dunia di sini.

Model Tiara 1.1 liter itu akan mempunyai segmen pasarannya tersendiri kerana ia akan memenuhi permintaan yang tidak pernah didapati oleh model-model Perodua Kancil 0.6 liter dan Proton Iswara, Wira dan Satria 1.3 liter.

Model Proton Tiara itu yang mempunyai lima tempat duduk dan lima pintu adalah projek bersama Usahasama Proton - DRB (USPD) dan Citroen Automobile Industry.

Menurut Usahasama Proton DRB (USPD), pelancaran komersilnya akan diadakan pada awal Mei ini.

Selain daripada model 1.1 liter, USPD akan juga memperkenalkan dua lagi versi Proton Citroen -- model disel 1.5 liter pada September ini dan model enjin pancitan 1.4 liter pada tahun depan.

Seperti Proton Satria, model 1.1 liter itu dipasangkan oleh Automotive Manufacturers (Malaysia) Sdn Bhd di Pekan, Pahang dengan pengeluaran sebanyak 600 unit sebulan.

Menjelang pelancaran komersilnya, antara 1,800 dan 2,000 unit akan siap untuk dijual. Pengeluaran model 1.1 liter and 1.5 liter seterusnya akan mencapai 2,500 unit sebulan.

Yang hadir pada upacara itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan ketua pegawai eksekutif USPD, Abdul Rashid Rahim.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Rashid berkata syarikat itu menjangka dapat menjual "beberapa ribu" unit model 1.1 liter dalam masa seminggu selepas ia dibuka untuk tempahan mulai esok.

"Setakat ini, kami menerima kira-kira 1,000 pertanyaan daripada orang ramai yang menunjukkan minat untuk beli," katanya.

Kereta pertama akan diserahkan pada 1 Mei, katanya.

Beliau berkata model 1.1 liter boleh diperolehi dalam tujuh warna antaranya biru metalik, hijau, merah, kuning, perak, dan kelabu.

Rashid berkata enjin disel untuk model 1.5 liter akan diperkenalkan pada Oktober manakala versi automatik sedang dibuat. -- BERNAMA

ES CR